



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 85 / 2018**

### **262 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.132 PORT DICKSON DIKELUARKAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 1 Oktober 2018 telah mengeluarkan sebanyak **262** kertas undi pos bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.132 Port Dickson, Negeri Sembilan. Pengeluaran tersebut dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di Ruang Legar Aras 7, Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson meliputi kategori undi pos seperti berikut:

- i. Pemilih Tidak Hadir (PTH) Luar Negara (penjawat awam yang bertugas di luar negara dan pasangannya; pelajar sepenuh masa dan pasangannya) seramai **16** orang pengundi seperti di negara United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat, Ireland, Jordan, Taiwan, Jerman dan Korea Selatan.
- ii. Permohonan Borang 1A (petugas pilihan raya, polis dan tentera) adalah seramai **243** orang pengundi yang masing-masing meliputi 166 orang (petugas pilihan raya), 23 orang (anggota polis) dan 54 orang (anggota tentera).
- iii. Permohonan Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) seramai **tiga (3)** orang pengundi daripada Australia.
- iv. Manakala tiada pengeluaran bagi kategori Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan) kerana tiada permohonan diterima.

2. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil-wakil calon daripada Pakatan Harapan (PH), PAS dan wakil calon bebas.

3. SPR juga telah menjemput pemerhati-pemerhati pilihan raya yang dilantik untuk menyaksikan proses pengeluaran kertas undi pos itu, walau bagaimana pun tiada pemerhati yang hadir ke sesi tersebut.

4. Kertas undi di bawah kategori PTH dan 1B telah diserahkan kepada pihak Pos Malaysia manakala di bawah 1A diuruskan oleh pegawai bertanggungjawab masing-masing. Semua penghantaran dibuat kepada pengundi-pengundi terbabit pada hari yang sama iaitu pada 1 Oktober 2018.

5. SPR mengingatkan kepada pengundi pos terbabit agar menanda kertas undi yang diterima dengan betul dan segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus PRK Parlimen P.132 Port Dickson sebelum jam 5.00 petang pada Hari Mengundi iaitu pada 13 Oktober 2018 (Sabtu).

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 6 Oktober 2018 / 26 Muharram 1440H